

03/02/2000

MT dijangka bincang isu pemilihan Umno

KUALA LUMPUR, Rabu - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok antara lain dijangka membincangkan dua isu berkisar persiapan bagi menghadapi pemilihan parti, Mei ini.

Dua perkara itu ialah kod etika berkempen dan perbincangan mengenai kemungkinan pertandingan untuk merebut jawatan dalam parti dibuat secara berpasukan.

Mesyuarat yang bermula jam 2.30 petang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu, dijangka dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

Sumber berkata, MT mungkin membuat ketetapan melarang calon merebut jawatan dalam parti, secara berpasukan, bagi mengelak perpecahan. Larangan itu mungkin dimasukkan dalam kod etika berkempen.

"Ketetapan ini perlu, kerana jika dibiarkan calon bertanding secara berpasukan, akan menimbulkan masalah. Pemimpin yang kurang berkaliber pun mungkin terpilih semata-mata kerana dia berada dalam kumpulan pemimpin tertentu.

"Sepatutnya, setiap calon yang bertanding hendaklah bertanding secara sendirian tanpa mengaitkan mana-mana tokoh. Biarlah perwakilan membuat pilihan yang bijak," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, bagaimanapun enggan mengulas ketika ditanya mengenai agenda mesyuarat MT esok.

"Kena tanya Perdana Menteri esok, tunggulah esok," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) untuk sektor swasta di sini, hari ini.

Sabtu lalu, Abdullah berkata, kod etika pemilihan Umno akan diputuskan dalam mesyuarat MT minggu ini, termasuk sama ada pertandingan berpasukan dibenarkan atau tidak.

Semalam, Dr Mahathir dalam sidang akhbar sekembalinya daripada bercuti di luar negara juga berkata MT akan membincang dan memutuskan perkara itu.

"Saya tak perlu beri pendapat saya kerana ia mungkin mempengaruhi pendapat orang lain," kata Perdana Menteri.

Isu mengenai pertandingan secara berpasukan tercetus minggu lalu apabila bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz mengajak Datuk Shahrizat Abdul Jalil, bertanding jawatan Naib Ketua, sementara beliau sendiri mengesahkan akan mencabar Datuk Dr Siti Zaharah.